Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/Jld13 (17)
Tarikh: 29 Jun 2015

KENYATAAN AKHBAR

CADANGAN MENGADAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN DAN PENDENGARAN (JKSTP) BAGI (PENGUBAHAN 2) RTPJ 1 DAN (PENGUBAHAN 1) RTPJ 2

1. KELULUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI BAGI MELAKSANAKAN MEGADAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN DAN PENDENGARAN (JKSTP).

Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri pada **12hb Februari 2015** telah membuat keputusan supaya **Majlis Bandaraya Petaling Jaya mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan Dan Pendengaran (JKSTP) di bawah Seksyen 14, Akta 172.** Mesyuarat JKSTP ini akan dijalankan pada **13, 14, 27 & 28hb Julai dan 3 & 4hb Ogos 2015** yang akan dipengerusikan oleh **Y.B. Dato' Iskandar Bin A.Samad, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar.**

Mesyuarat Penuh Majlis pada 24hb April 2015 telah menimbangkan semula cadangan Draf (Pengubahan 2) RTPJ 1 dan (Pengubahan 1) RTPJ 2 dan **membuat keputusan seperti berikut:-**

i. Mengekalkan nisbah plot 1:4 bagi TOD (Transit Oriented Development) seperti yang diputuskan di Mesyuarat Penuh Majlis pada Februari 2014.

ii. Mewartakan Garis Panduan dan Piawaian Pelaksanaan di dalam (Pengubahan 2) Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 (RTPJ 1) dan (Pengubahan 1) Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 (RTPJ 2)

iii. Mengekalkan zon guna tanah bagi tapak-tapak berikut:-

a) Tanah RRI, PJU 4 yang dimiliki oleh KWASA LAND Sdn. Bhd. kekal sebagai zon guna tanah **"Kegunaan Kerajaan".**

b) Lot 2, Jalan Utara, Seksyen 52 (Filem Negara) yang dimiliki oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian kekal sebagai zon guna tanah **"Perdagangan Terhad (Institusi)".**

iv. Mengekalkan zon guna tanah bagi 27 lot perumahan di Jalan SS 24/10 dan 20 lot perumahan di Jalan SS 24 / 9 kekal sebagai **"Zon Perumahan".**

v. Mengeluarkan **"jajaran Lebuhraya Damansara – Shah Alam (DASH)"** di dalam cadangan (Pengubahan 1) RTPJ 2.

2. KELULUSAN MESYUARAT MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN BAGI JAJARAN LEBUHRAYA DAMANSARA – SHAH ALAM (DASH)

Bagi perkara 1 (v), cadangan Jajaran Lebuhraya Damansara – Shah Alam (DASH) , walaupun Mesyuarat Penuh Majlis pada 24hb April 2015 mencadangkan untuk dikeluarkan daripada cadangan (Pengubahan 1) RTPJ 2, Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke 15/2015 yang diadakan pada 29hb April 2015 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke 16/2015 pada 13hb Mei 2015 **telah bersetuju jajaran Lebuhraya Damansara –Shah Alam (DASH) yang tidak terlibat dengan bantahan penduduk dibentangkan dalam Sesi Pendengaran Awam Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).** Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) diminta meneliti semula jajaran akhir Lebuhraya DASH yang melibatkan Mutiara Damansara dan Damansara Perdana seterusnya mengemukakan cadangan baru serta meneruskan rundingan bersama penduduk setempat.

3. JEMPUTAN MENGHADIRI MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN DAN PENDENGARAN (JKSTP) BAGI PENDUDUK YANG TELAH MENGEMUKAKAN BANTAHAN/PANDANGAN.

Majlis sedang menguruskan jemputan kepada penduduk-penduduk yang telah mengemukakan bantahan/pandangan untuk hadir ke Mesyuarat Siasatan Tempatan Dan Pendengaran (JKSTP) ini.